

**TEKS UCAPAN**  
**Y.BHG. BRIG. JEN. DATUK PROF DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)**  
**MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA BENGKEL PENINGKATAN**  
**PROFESIONALISME DAN PERANCANGAN STRATEGIK PUSAT**  
**TEKNOLOGI KOMUNIKASI DAN PEMBANGUNAN INSAN (PTKPI)**

**PADA 30 NOVEMBER 2013**

---

**Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan Salam Ilmu,  
Keihlasan, dan Kecemerlangan UniMAP.**

Terima kasih Pengurus Majlis,

**Salutasi**

**Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal**, Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa UniMAP,

**Yang Berbahagia Prof Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan**, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP,

Pegawai-Pegawai Utama Universiti,

Yang Berusaha Dr. Hj. Huzili Hussin, Dekan Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan (PTKPI)

Dekan-Dekan dan Ketua Jabatan UniMAP,

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

## **Kata-kata Aluan**

1. Alhamdulillah, syukur kehadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama pada malam ini di dalam **Majlis Perasmian Bengkel Peningkatan Profesionalisme Dan Perancangan Strategik Pusat Teknologi Komunikasi Dan Pembangunan Insan (PTKPI)**.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakapkan ucapan syabas dan kepada seluruh jawatankuasa serta pihak PTKPI di atas kejayaan melaksanakan program ini.
3. Semoga segala pengisian yang disusun mampu mencetus kepada penghasilan idea baru dalam usaha membangunkan universiti.
4. Saya percaya, usaha mengadakan bengkel seumpama ini menggambarkan bahawa pihak pengurusan PTKPI mempunyai komitmen dan inisiatif yang tinggi untuk mengatur langkah ke hadapan dan ianya merupakan satu usaha yang positif. Penyediaan perancangan strategik merupakan tahap perancangan yang tertinggi dan sangat penting agar arah tuju perancangan dan pengurusan sesebuah organisasi akan lebih teratur, berkesan dan jelas.
5. Selain dapat mengenal pasti objektif dan matlamat sama ada untuk jangka pendek maupun jangka panjang. Malahan bengkel ini juga dapat memupuk budaya kerja berpasukan yang mantap dan berkualiti di kalangan warga PTKPI. Dalam merangka perancangan, sebagai staf universiti anda juga perlu mencari pendekatan yang lebih kreatif dalam

setiap penyelesaian yang dilakukan seperti berfikir di luar kotak dan tidak hanya berfikir secara konvensional.

Hadirin sekalian,

### **Penjenamaan Semula PTKPI**

6. Difahamkan tidak lama lagi PTKPI akan berubah 'wajah'. Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan kini merupakan pusat perkhidmatan akademik berperanan menawarkan kursus-kursus Teras, Wajib Universiti dan Opsyen yang wajib diambil oleh semua pelajar tanpa mengira sebarang program akademik mereka. Dan kini Pusat ini mampu berdiri dengan sendirinya tidak lama lagi setelah dinaik taraf menjadi sebuah pusat pengajian yang akan dikenali sebagai Pusat Pengajian Pembangunan Insan Dan Teknokomunikasi (iKOM). Tahniah saya ucapkan.
7. Saya percaya ini merupakan salah satu pencapaian yang baik kerana sudah tiba masanya PTKPI 'berubah' menjadi pusat pengajian kerana dapat mengoptimumkan tenaga staf akademik PTKPI dan secara langsung dapat meningkatkan hala tuju kerjaya mereka.
8. Kepakaran para pensyarah ini perlu dioptimumkan sejajar dengan bidang tujuan mereka agar dapat membantu dalam pembangunan modal intelektual negara.
9. Ini akan membuka lembaran baru buat UniMAP dengan menerima kemasukan pelajar aliran sastera dengan penawaran program baharu iaitu sarjana Muda Komunikasi Media Baharu. Program ini melibatkan percampuran antara bidang kejuruteraan, teknologi dan sains sosial dimana akan memberikan nilai tambah bagi kedua-dua pelajar kerana saling memahami watak, personaliti, minat, gaya hidup serta cara

berfikir. Oleh itu, penawaran program baharu ini bersetujuan dan bertepatan kearah mendepani pelajar mengharungi arus globalisasi.

10. Malahan saya juga percaya bahawa program ini berupaya menghasilkan graduan hibrid yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam tiga bidang yang berbeza pada satu masa iaitu komunikasi, media baharu (teknologi maklumat) dan pengurusan.
11. Ini bagi membolehkan graduan bersedia untuk bersaing secara global. Sememangnya program ini penting kerana dapat melatih tenaga kerja yang berupaya memanfaatkan media baru untuk meningkatkan kecekapan sistem penyampaian dalam era globalisasi yang lebih menekankan kepada aspek teknologi maklumat dan sektor pekerjaan pada masa kini yang telah berubah paradigmanya dengan memberi penekanan kepada '*enterprising virtual communities*'.

Hadirin Sekalian,

### **Penutup**

12. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada PTKPI diatas penjenamaan semula sebagai sebuah pusat pengajian. Adalah menjadi harapan saya agar tuan-tuan dan puan-puan dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik dari semasa ke semasa ke arah pembangunan universiti ini.
13. Saya berharap dengan adanya majlis makan malam yang diserikan dengan kehadiran ahli keluarga masing-masing wajarlah ianya disebut sebagai Majlis Tautan Kasih dengan harapan akan terus mengeratkan lagi hubungan silaturrahim sesama kita.

Dengan lafaz Bismillahi Rahmaani Rahim, saya dengan ini merasmikan  
**Bengkel Peningkatan Profesionalisme Dan Perancangan Strategik**  
**Pusat Teknologi Komunikasi Dan Pembangunan Insan (PTKPI).**

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh